

24 JUN 2003

GE-PINDAH/I

GE PINDAH HQ SERANTAU SISTEM PERUBATAN KE M'SIA

Oleh: Massita Ahmad

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Syarikat multi nasional AS, General Electric (GE), yang terdorong oleh potensi ekonomi Malaysia, tidak lama lagi akan memindahkan ibupejabat Asia Tenggara perniagaan peralatan sistem perubatan ke Malaysia.

Keputusan pemindahan itu dibuat setahun selepas GE memindahkan ibupejabat serantau korporat dan minyak dan gas ke Kuala Lumpur.

Perpindahan ke Kuala Lumpur disebabkan "dasar ekonomi yang sesuai dan strategy ekonomi yang baik Malaysia," kata presiden dan ketua pegawai eksekutif GE Asia Pasifik, Yoshiaki Fujimori.

Ibupejabat serantau itu akhirnya akan mengawasi operasi sistem perubatan di Korea Selatan, India, New Zealand dan Australia, katanya.

Katanya: "Kami mewujudkan satu kumpulan baru bagi perniagaan perubatan di Asia. Kami akan mempunyai banyak sinergi, lebih productiviti dan kehadiran lebih besar di Malaysia."

Ibupejabat serantau baru itu akan menyediakan satu impak yang besar kepada perniagaan GE di Asia Tenggara dan khususnya di Malaysia, katanya.

"Kami membuat langkah signifikan ke Malaysia. Bagi kami, Malaysia menawarkan peluang yang hebat," katanya, sambil menambah, syarikat itu yakin Malaysia akan mencapai sasaran pertumbuhan Keluaran alam Negara Kasar (KDNK) 4.0 ke 5.0 peratus tahun ini.

Fujimori berkata, GE turut yakin Malaysia akan terus berkembang mengikut langkah yang sama untuk tempoh lima hingga 10 tahun.

Perpindahan GE ke Kuala Lumpur berasaskan bahawa kumpulan itu akan mendapat faedah pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini kerana ibupejabat seberang laut (OHQ) yang diwujudkan selepas Bajet 2003 akan diberi pengecualian cukai pendapatan 100 peratus untuk 10 tahun.

GE kemungkinan besar mendapat faedah daripada langkah untuk mengukuhkan lagi persaingan Malaysia dengan menyelaraskan kadar cukai pendapatan bagi OHQ.

Presiden GE Asia Tenggara, Stuart L. Dean, berkata: "GE kini meningkatkan komitmen (ke Malaysia). Langkah memindahkan pekerja serantau kami ke sini perlu dilihat sebagai isyarat positif kepada Malaysia."

Dean berkata, GE turut yakin perubahan kepimpinan politik di Malaysia akan berjalan licin dan penyambungan dasar dilakukan dengan baik.

"Kepimpinan di Malaysia telah melakukan tugas dengan baik (membantu memilih negara ini daripada krisis kewangan Asia dan memastikan ketabilan politik, ekonomi dan mata wang) yang menjadikan Malaysia satu lokasi menarik untuk melaksanakan perniagaan."

GE ialah sebuah syarikat pelbagaian teknologi dan perkhidmatan, daripada pembuatan enjin pesawat terbang dan sistem penjanaan kuasa kepada perkhidmatan kewangan dan daripada pengimejan perubatan, pemrograman televisyen kepada plastik.

Ia mencatat perolehan tahunan global RM500 bilion, dengan 300,000 pekerja di seluruh dunia. -- BERNAMA

MAS SHY AHM